



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENGURUSAN WARISAN DAN BUDAYA OLEH
PERSEKUTUAN DUNIA FUZHOU DI DAERAH SIBU,
SARAWAK**

SHENDY YEU MEI LING

53789

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(WA59 - Pengurusan Seni)
2018**

**PENGURUSAN WARISAN DAN BUDAYA OLEH
PERSEKUTUAN DUNIA FUZHOU DI DAERAH SIBU, SARAWAK**

SHENDY YEU MEI LING

Kajian ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana
Muda Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian

(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

**JUDUL: PENGURUSAN WARISAN DAN BUDAYA OLEH PERSEKUTUAN DUNIA
FUZHOU DI DAERAH SIBU, SARAWAK**

SESI PENGAJIAN :2015/2016

Saya : **SHENDY YEU MEI LING**

Mengaku membenarkan tesis/laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan(/)

SULIT

TERHAD

TIDAK TERHAD

(mengandungi maklumat yang berdjajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tarikh :

Tandatangan Penyelia

Tarikh :

Alamat tetap: No.12, Jalan Cenderawasih Off Jalan Rentap,96100, Sarikei, Sarawak.

Catatan: *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

PENGAKUAN

Projek bertajuk '**PENGURUSAN WARISAN DAN BUDAYA OLEH PERSEKUTUAN DUNIA FUZHOU DI DAERAH SIBU, SARAWAK**' telah disediakan oleh **SHENDY YEU MEI LING** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**PENGURUSAN SENI**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Rahah Bt Haji Hasan)

Tarikh: _____

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia bagi Projek Tahun Akhir iaitu Puan Rahah Haji Hasan kerana banyak membimbing dan membantu pengkaji dalam menyempurnakan kajian ini. Tunjuk ajar yang diberikan banyak membantu pengkaji dalam memperbaiki kesilapan yang terdapat dalam melaksanakan kajian ini.

Selain itu, pengkaji juga merakamkan penghargaan kepada pihak yang terlibat yang telah banyak memberi sumbangan kepada penyelidikan pengkaji iaitu Persekutuan Dunia Fuzhou. Kerjasama dan bantuan mereka dalam kajian ini amat dihargai oleh pengkaji. Selain itu, jutaan terima kasih kepada semua informan yang terlibat dalam memberikan kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan. Begitu juga, kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi kerjasama dan pendapat secara langsung dan tidak langsung, semangat dan dorongan daripada kalian amat saya hargai.

Akhir sekali, begitu juga kedua-dua ibu bapa saya, saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga terhadap mereka. Semangat dan dorongan yang telah diberikan oleh semasa saya menjalankan kajian ini amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
HALAMAN TAJUK	
BORANG PENGESAHAN	
PENGAKUAN	
PENGHARGAAN	I
SENARAI KANDUNGAN	II-VII
ABSTRAK	VIII
<i>ABSTRACT</i>	IX
SENARAI GAMBAR	X-XI
SENARAI JADUAL	XII
Bab 1 : PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	2-3
1.1 Latar Belakang Kajian	
1.1.1. Sejarah Kaum Foochow di Sibiu	4-5
1.1.2. Latar Belakang Persekutuan Dunia Fuzhou	6-8
1.1.3. Sejarah Asal-Usul Bandar Sibiu	9-17
1.2 Pendekatan Kajian	18-20
1.3 Permasalahan Kajian	21
1.4 Persoalan Kajian	22

1.5 Objektif Kajian	23
1.6 Kepentingan Kajian	24
1.7 Skop Kajian	25
1.8 Lokasi Kajian	26-27
1.9 Definisi	28
1.10 Kesimpulan	29
 BAB 2: SOROTAN KESUSASTERAAN	
2.0 Pengenalan	30
2.1 Pengurusan Budaya	31-33
2.2 Sejarah dan Budaya Foochow	34-36
2.3 Aktiviti/Acara PDF	37-38
2.4 Kesimpulan	39
 BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	40
3.1 Kaedah Pengumpulan Data	41
3.1.1. Data Primer	
3.1.2. Data Sekunder	
3.2 Kaedah Kajian dan Analisis Data	
3.2.1 Kaedah Kualitatif	42-44
3.2.2 Kaedah Temu Bual	

3.2.3	Pendokumentasian	
3.3	Instrumen Kajian	
3.3.1	Telefon Pintar	
3.3.2	Komputer Riba	45
3.3.3	Pendokumentasian	
3.4	Alat Analisis	
3.4.1	Penerangan Teori	46-49
3.4.2	Kaedah Pengumpulan Data	
	Mengikut struktur Teori yang	50-53
	Dipilih	
3.4.3	Metod Pengumpulan Data	54-57
3.4.4	Alat Analisa	58-63
3.5	Kesimpulan	64
 BAB 4 : ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN		
4.0	Pengenalan	65
4.1	Temuramah	
4.1.1	Analisa Temuramah	66-67
	Setiausaha dan Pembantu	
	Kanan PDF Sibul	

4.2 Analisis Dapatan	
4.2.1: Garis Panduan Pertama;	
Mengetahui dan Memahami	68-70
4.2.2 : Jadual Pelan Mesyuarat	
Mingguan dan Bulanan PDF	71
4.2.3 : Contoh Pelaksanaan Gambar	
Aktiviti Kebudayaan pada	72-76
Tahun 2015 oleh PDF	
4.2.4 : Rumusan	77
4.3 : Garis Panduan Kedua;	78-80
Perancangan dan Pelaksanaan	
4.3.1 : Contoh Pelaksanaan Kelab	81-85
Kebudayaan dan Kesenian	
4.3.2 : Contoh Gambar Strategi	
Komuniti dalam Pelan	86-87
Tahunan di bawah PDF	
4.3.3 : Rumusan	88
4.4 : Garis Panduan Ketiga;	
Memantau, Menilai dan Memperbaiki.	89-91
4.4.1 : Contoh Gambar Pelaksanaan	
Mesyuarat yang dijalankan	92-93
Oleh PDF	

4.4.2 : Rumusan	94
4.5: Garis Panduan Keempat; Membuat Laporan dan Berkomunikasi	95-97
4.5.1 : Contoh Kaedah Pendokumentasian bagi Panduan yang dijalankan oleh PDF	98-108
4.5.2 : Rumusan	109
4.6 Kesimpulan	110
 BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.0 Pengenalan	111
5.1 Rumusan Kajian	112-113
5.2 Rumusan Analisis Dapatan Kajian	113-115
5.3 Kesimpulan Kajian	116-117
5.4 Cadangan Kajian	
5.4.1 : Cadangan kepada pihak Pengurusan PDF	118-119
5.4.2 : Cadangan kepada pengkaji Akan datang	120
5.5 Kesimpulan	121

BIBLIOGRAFI

122-126

LAMPIRAN

127-145

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji Pengurusan Warisan Budaya oleh Persekutuan Dunia Fuzhou di Daerah Sibul, Sarawak. Kajian yang dijalankan berfokus kepada aktiviti pengurusan dan acara tahunan yang melestarikan budaya dan identiti masyarakat Foochow. Seterusnya, kajian ini akan didokumentasi dan berdasarkan garis panduan Sistem Pengurusan Warisan Budaya oleh Rio Tinto (2011) yang akan mendedahkan kecekapan pelaksanaan pengurusan dan pelestarian warisan budaya Foochow di Sibul.

ABSTRACT

This research aims to study the management of cultural heritage by the Fuzhou World Association in Sibul District at Sarawak. The study focuses on management activities and annual events that preserve the culture and identity of the Foochow community. Subsequently, this study will be documented and based on the Rio Tinto Cultural Heritage Management System (2011) guidelines which will expose the implementation and management of Foochow's cultural heritage in Sibul.

SENARAI GAMBAR RAJAH

SENARAI GAMBAR RAJAH	HALAMAN
Gambar 1.1 : Persekutuan Dunia Fuzhou Sibu	12
Gambar 1.2 : Sibu World Fuzhou Galeri	12
Gambar 1.3 : Wong Nai Siong	13
Gambar 1.4 : <i>Wong Nai Siong Memorial Garden</i>	13
Gambar 1.5 : Logo Persekutuan Dunia Fuzhou Sibu	13
Gambar 1.6 : <i>Sibu Fuzhou Association Women's Team Activities</i>	14
Gambar 1.7 : Festival Kebudayaan Borneo 2017 (Pertandingan Pemodelan Cheongsam Sibu)	15
Gambar 1.8 : <i>Fuzhou Government People visit Delegation Sibu Fuzhou Association</i>	16
Gambar 1.9 : Keratan Akhbar dari Sin Chew Daily	16
Gambar 1.10: Aktiviti Pendaftaran Koleksi Perkahwinan yang bertemakan <i>"Prefect Good Day"</i>	17

Peta 1.8 : Peta Daerah Sibul	26
Carta 3.1 : Carta Aliran Pengurusan Kebudayaan	47
Gambar Rajah 4.2.3 : Contoh Pelaksanaan Gambar Aktiviti Aktiviti Kebudayaan pada tahun 2015 oleh PDF	72-76
Gambar Rajah 4.3.1: Contoh Pelaksanaan Kelab Kebudayaan dan Kesenian oleh PDF	81-85
Gambar Rajah 4.3.2 : Contoh Gambar Strategi Komuniti dalam Pelan Tahunan di bawah PDF	86-87
Gambar Rajah 4.4.1 : Contoh Gambar Pelaksanaan Mesyuarat yang dijalankan oleh PDF	92-93
Gambar Rajah 4.5.1 : Contoh Kaedah Pendokumentasian bagi panduan yang dijalankan oleh PDF	98-108

SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL	HALAMAN
Jadual 3.4.1: Penerangan Teori	46-49
Jadual 3.4.2 : Kaedah Pengumpulan Data mengikut Struktur Teori yang dipilih	50-53
Jadual 3.4.3: Metod Pengumpulan Data	54-57
Jadual 3.4.4: Alat Analisa	58-63
Jadual 4.2.2: Jadual Pelan Mesyuarat Mingguan dan Bulanan PDF	71

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Bab ini akan menjelaskan berkaitan perkara yang terkandung dalam penyelidikan yang akan dijalankan oleh penyelidik. Selain itu, bahagian ini juga pengkaji akan menerangkan dengan lebih lanjut berkaitan tajuk yang akan dikaji. Kajian ini adalah berkenaan Pengurusan Warisan dan Budaya oleh Persekutuan Dunia Fuzhou di Daerah Sibu, di Sarawak.

Kajian ini adalah mengetahui bagaimana PDF menjalankan aktiviti dan acara tahunan dari segi cara pengurusan serta mendokumentasikan panduan melaksanakan aktiviti dan acara mengikut keperluan pengurusan PDF. PDF merupakan sebuah persatuan yang banyak memberi sumbangan dalam pembangunan bagi menjaga kebajikan dan kepentingan masyarakat setempat. Dengan ini, pengkaji akan memahami dan mengenali dengan lebih mendalam berkenaan dengan Pengurusan Warisan dan Budaya yang dijalankan oleh PDF dalam melestarikan budaya masyarakat Foochow.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum. Etnik Cina¹ di Malaysia terdiri daripada beberapa suku dialek. Terdapat enam kumpulan dialek utama iaitu Hakka, Kantonis, Hokkien, Teochew, Hainan dan Fuzhou. (Masyarakat Cina di Malaysia, 2017) Hal ini terbukti bahawa etnik Cina dibezakan melalui dialek pertuturan mereka dan terdapat sedikit keistimewaan bagi setiap etnik tersebut.

Kaum Foochow merupakan sebuah kaum yang tinggal di Malaysia terutama bertumpu di negeri Sabah Sarawak dan Perak. Perkataan 'Hokchiu atau Hokchia'² terkenal dengan gelaran Foochow kerana dialeknnya yang dikatakan mempunyai persamaan dengan bahasa Korea dan Jepun. Namun sesetengah orang pula berpendapat bahawa perkataan Foochow itu merujuk kepada wilayah mereka yang berasal iaitu Fuzhou^{3 4} sementara sesetengah orang berpendapat bahawa orang

¹ Orang Cina Malaysia adalah penghijrah orang berbangsa *Han* luar negara yang menjadi warganegara atau penduduk tetap di Malaysia. Kebanyakan mereka ialah pendatang dari *Dinasti Qing*, Republik China di Taiwan dan Republik China (1912-1949).

² Hokchiu atau Hokchia bermaksud merupakan dialek Foochow yang hampir sama cuma intonasi yang berbeza.

³ Longhat *Fuzhou* atau lebih dikenali sebagai dialek Fuzhou (atau Hockiu) adalah dialek yang dipertuturkan di Fuzhou dan di kawasan-kawasan persekitarannya di Timur Fujian, China. Di beberapa wilayah di luar negeri China, dialek Fuzhou juga dipertuturkan dengan meluasnya, terutamanya di Sitiawan (Perak) dan Sibu, Malaysia di mana ia dipanggil "*Fuzhou Baru*" kerana kemasukan secara beramai-ramai imigran ke sana pada tahun-tahun awal 1900.

⁴ Fuzhou adalah ibu negara provinsi Fujian di Tenggara China. Fuzhou in Chinese is "有福之州" (yǒufúzhīzhōu), meaning "good luck city."

Hokchiu pula berasal dari Fuzhou di Wilayah Fujian⁵ manakala Hokchia pula berasal dari Fuqing⁶ iaitu satu wilayah yang berada di antara sempadan Fuzhou. (Gee, 2008)

Berdasarkan kajian yang diperoleh oleh pengkaji, orang Foochow merupakan antara sub-etnik kaum cina yang paling terakhir berhijrah ke Malaysia iaitu pada awal abad ke 20. (Ling, 1998) Kumpulan pertama orang Foochow adalah mereka yang berhijrah ke Sitiawan⁷, Perak dan juga Sibuan Sarawak. Orang Hokchiu (Foochow) kebanyakannya di negeri Perak dan Sarawak dan mereka merupakan kumpulan dialek kedua terbesar di Sarawak. Pekan Sibuan (Sarawak), Sitiawan (Perak), dan juga Yong Peng (Johor) yang juga diketahui ramai Orang Cina sebagai Bandar Hokchiu. (Hing & Beng, 2000) Sarawak merupakan negeri yang mempunyai bilangan tertinggi Henghua⁸, diikuti oleh negeri Selangor dan Johor. Hokchia merupakan satu kumpulan yang paling kecil dan kebanyakannya terdapat di negeri Perak dan Johor. (Orang Cina Malaysia, 2017)

⁵ Fujian Bahasa Cina: 福建; pinyin: Fújiàn; Ejaan peta pos: *Fukien, Foukien*: transliterasi tempatan Hokkien dari Min Nan atau Bahasa Taiwan (*Hok-Kian*) ialah salah sebuah wilayah di persisiran pantai tenggara China. Fujian bersempadan dengan Zhejiang di Utara, Jiangxi di barat, dan Guangdong di Selatan.

⁶ Fuqing adalah sebuah negara yang terletak di wilayah Fuzhou di Provinsi Fujian, Republik Rakyat China.

⁷ Rujuk Shih Toong Siong (*The Foochow of Sitiawan – A Historical Perspective*), Persatuan Kutien Daerah Manjung, Sitiawan, Perak, 2004.

⁸ Henghua merujuk kepada orang cina Han dari *Putian* iaitu sebahagian berasal dari *Fujian, Wilayah China*.

1.1.1 Sejarah Kaum Foochow di SibU

Wong Nai Siong⁹ merupakan seorang Sarjana Cina yang berasal dari Min-Chi Country di provinsi Fujian¹⁰¹¹. Pada ketika itu, Wong Nai Siong telah diperkenalkan kepada Raja Putih iaitu Charles Brooke oleh anak menantunya Dr Lim Boon Keng¹². Wong Nai Siong mempunyai perasaan kecewa terhadap ketidakstabilan politik di negara asalnya iaitu China, beliau mendapati Indonesia dan Malaya amat sesuai untuk dijadikan penempatan baru mereka untuk membasmi kemiskinan dan mengelakkan ditindas di Min Chin. (Kah & Kuok, Wong Nai Siong and Foochow Settlers , 2009)

Selepas mengadakan pertemuan dengan Charles Brooke, beliau mengembara selama 13 hari pada bulan April 1900 sehingga Rejang sebelum memutuskan SibU sebagai tempat Foochow baru. (Kuok, 1997) Pada 21 Januari 1901, kelompok pertama orang Foochow seramai 72 orang tiba Sungai Merah

⁹ Wong Nai Siong (Bahasa Cina: 黄乃裳) (1849-1924) merupakan seorang pemimpin revolusioner Cina dan Pengajar dari Wilayah Minqing di Fuzhou, Wilayah Fujuan, China. Wong Nai Siong pada ketika itu juga membawa orang-orang dari Wilayah Fujian untuk berhijrah ke negara lain termasuk Malaysia, khususnya SibU, Sarawak.

¹⁰ Rujuk Buku Catatan Wong Meng Lei, *Pioneer Trail of Foochow: SibU: Persatuan Foochow SibU*, Muzium Mini Persatuan Foochow SibU, 2005.

¹¹ Nama "Fujian" berasal dari gabungan Nama Fuzhou dan Jian'ou, dua Kota di Fujian. Nama "Fujian ini digunakan sejak Dinasti Tang.

¹² Dr Lim Boon Keng adalah seorang doktor Cina yang berasal dari Fujian, China yang mempromosikan pembaharuan sosial dan pendidikan di Singapura pada awal abad ke-20.

¹³dan mula membina rumah mereka dan pada tahun yang sama, kelompok kedua yang diketuai oleh Wong Nai Siong adalah seramai 535 orang pada 16 March.

Kelompok kumpulan Foochow yang terakhir bertapak di Sibul pada bulan Jun dan mula dikenali sebagai “Foochow Baru”. ¹⁴Oleh itu, kaum Foochow pada hari ini menganggap sebagai “*New Foochow Resettlement Day*” ¹⁵ dan menganggap Wong Nai Siong digelar sebagai “*Kang Choo* 港主¹⁶” (Cheng, 1991)

¹³ Sungai Merah adalah sebuah bazar lama yang dikatakan sebuah lokasi di mana peneroka Cina yang mula menjejaki di Sibul.

¹⁴ Bandar Sibul di Sarawak dipanggil “*New Fuzhou*” kerana kedatangan imigran di Sibul pada akhir abad ke-19 dan awal 1900-an.

¹⁵ Rujuk Lau Zhi Cheng, *Wong Nai Siong and New Foochow, Singapore: South Seas Society Press, 1979.*

¹⁶ Kang Choo 港主 bermaksud seorang master yang menyelesaikan masalah orang Foochow.

1.1.2 Latar Belakang Persatuan Foochow

Sejarah perkembangan Persatuan Foochow Sibul bermula dari awal kedatangan masyarakat Foochow sejak tahun 1900 sehingga tahun 1999. (Gee, 2008) Pada ketika itu, orang Foochow berasal dari Wilayah Fuzhou, China. Di bawah pimpinan Wong Nai Siong, mereka berhijrah secara berperingkat-peringkat ke Sarawak khususnya ke Sibul pada awal tahun 1901. Selepas tiba di Sibul, orang Foochow telah membina sebuah rumah papan sebagai pejabat Foochow pada tahun 1902. Pada tahun 1909, nama pejabat Foochow telah ditukarkan kepada Kesatuan Kuan Yuan¹⁷ kerana ia lebih menumpukan perhatian dalam memberi kebajikan kepada masyarakat Foochow di Sibul. Persatuan Foochow Sibul hanya ditubuhkan secara rasmi pada 5 Januari 1947¹⁸. (Kah, A History of Rajang Basin in Sarawak, 1966)

Semasa pengkaji membuat kajian mengenai Persatuan Foochow Sibul atau yang lebih dikenali sebagai 'Persekutuan Dunia Fuzhou'¹⁹, di mana ia merupakan tempat di mana pada tahun 1901, Wong Nai Siong mengetuai perintis dan 10 daerah Fuzhou yang ditubuhkan bagi penyelesaian tersebut. Selain itu, pengkaji

¹⁷ Kesatuan Kuan Yuan ialah sebuah Persatuan Dagang dan Perusahaan.

¹⁸ Rujuk *Majalah Anniversari ke-90 Penubuhan Masyarakat Foochow di Sibul 1901-1991*, Sibul: Persatuan Foochow Sibul, Muzium Mini Persatuan Foochow Sibul, 1991, halaman 341.

¹⁹ Fuzhou adalah ibu Kota wilayah provinsi Fujian di China. Wilayah Fujian secara ringkas dipanggil *Min* dan juga dikenali sebagai *Ban Min*.

juga mendapati PDF mempunyai hubungan yang erat dengan perkembangan ekonomi Sibiu dalam industri pembuatan kapal, kewartawan dan perbankan.

Pekembangan ekonomi Sibiu juga mempunyai kaitan dengan kemunculan organisasi korporat dalam kalangan Orang Foochow di Sibiu sehingga kini. (B.Leigh, 1964)

Dalam penyelidikan ini, pengkaji ingin mengenal pasti pengurusan aktiviti dan acara tahunan yang dilaksanakan oleh PDF dan mendokumentasikan panduan melaksanakan aktiviti dan acara mengikut keperluan masyarakat Foochow. Hal ini kerana pengkaji ingin mengetahui dengan lebih teliti mengenai aktiviti dan acara tahunan oleh PDF dan ingin mendokumentasikan panduan melaksanakan aktiviti dan acara mengikut keperluan pengurusan PDF dalam mengekalkan budaya warisan masyarakat Foochow.

Masyarakat Foochow dikatakan telah memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan negara terutamanya dalam bidang ekonomi. (Press Reader, 2016) Selepas penubuhan pada tahun 1902, PDF telah berkembang pesat dan muncul sebagai sebuah persatuan yang aktif dalam masyarakat Cina di Sibiu

dan mempunyai sebuah galeri iaitu *Sibu World Foochow Heritage Galerry*. (Gee, 2008)

Oleh itu, PDF bagi mengadakan premis sebagai persatuan mereka iaitu “Bangunan Centenary Settlement Sibu Foochow²⁰” yang menepatkan galeri yang terbesar di Sibu Sarawak sehingga kini iaitu dinamakan sebagai “Pusat Kebudayaan Fuzhou Dunia”. Pusat kebudayaan tersebut merupakan tempat bagi keturunan Fuzhou bagi mengenali dan mengenal pasti budaya mereka sendiri dan memberi peluang kepada pelawat melihat budaya Fuzhou. (Majalah Anniversari ke-90 Penubuhan Penempatan Masyarakat Foochow di Sibu 1901-1991, 1991)

²⁰ Rujuk *Majalah Anniversari ke-90 Penubuhan Masyarakat Foochow di Sibu 1901-1991*, Sibu: Persatuan Foochow Sibu, Muzium Mini Persatuan Foochow Sibu, 1901-1991, 1991.